

## **Gelagat Dan Tingkahlaku Golongan Muda Berpolitik Di Terengganu Nurhazilah Mamat & Nazli Aziz**

Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu  
Email of corresponding author: hazilhamamat@yahoo.com

### **Abstrak**

Golongan muda merupakan aset kepada sesebuah negara dan mereka juga merupakan penentu masa depan sesebuah masyarakat dan negara. Pentingnya golongan muda bukan sahaja terletak kepada bilangan golongan muda yang ramai dan sebagai tenaga utama dalam proses pembangunan dan pembinaan satu bangsa Malaysia, tetapi juga sangat bergantung kepada golongan muda yang aktif, berdisiplin dan progresif. Globalisasi, perubahan struktur dan kemunculan kelas menengah merupakan di antara faktor utama yang berperanan mengubah gelagat dan tingkahlaku golongan muda dalam berpolitik di Terengganu. Kertas konsep ini akan meneliti gelagat dan tingkahlaku golongan muda berpolitik di Terengganu dan mengenalpasti jenis gaya pengikutan golongan muda dalam berpolitik. Di Terengganu, kajian gelagat dan tingkahlaku golongan muda dalam berpolitik masih kurang dijalankan terutamanya dalam aspek hubungan kepengikutan golongan muda dengan prestasi organisasi dalam organisasi politik.

**Kata kunci:** Gelagat dan Tingkahlaku Golongan Muda Berpolitik, Gaya pengikutan Golongan Muda Dalam Berpolitik, Kerajaan, Golongan Muda

### **PENGENALAN**

Perbincangan tentang politik pada masa kini semakin hangat diperkatakan dan pelbagai isu berkaitan politik diperdebatkan sama ada pada peringkat tempatan mahupun peringkat antarabangsa. Perbincangan pada peringkat tempatan sering kali melibatkan parti pemerintah dan parti pembangkang. Manakala pada peringkat antarabangsa, perbincangan menyentuh isu hubungan antara negara. Salah satu perkara yang sentiasa mendapat perhatian ialah tentang gelagat dan tingkahlaku aktor-aktor politik. (Butler, 1970; Kavanagh, 1983; Almond & Verba, 1963).

Budaya berpolitik di Terengganu telah mengalami satu proses transformasi, seiring dengan perubahan pesat yang sedang berlaku dalam masyarakat itu sendiri. Jika sebelum ini sebahagian besar golongan muda di Terengganu menganggap persoalan politik hanyalah urusan orang politik sahaja, tetapi keadaan itu telah mengalami perubahan. Globalisasi, perubahan struktur dan kemunculan kelas menengah merupakan di antara faktor utama yang berperanan mengubah gelagat dan tingkahlaku golongan muda dalam berpolitik di Terengganu.

### **LATAR BELAKANG**

Terengganu terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dengan keluasan 1,296,572 hektar. Di sebelah utara dan barat lautnya disempadani oleh Kelantan, sebelah barat daya dan selatannya oleh Pahang manakala sebelah timurnya pula adalah disempadani oleh Laut China Selatan sepanjang 244 km. Sebelum tahun 1947 terdapat sembilan daerah di Terengganu; Kuala Terengganu, Kemaman, Kemasik, Paka, Dungun, Marang, Hulu Terengganu, Besut dan Setiu. Daerah dalam negeri Terengganu dikurangkan kepada enam iaitu Kuala Terengganu, Kemaman, Dungun, Marang, Hulu Terengganu dan Besut. Kemudiannya pada 1 Januari 1985, sebuah daerah baru iaitu Setiu telah dibentuk dan menjadikan daerah ketujuh di Negeri Terengganu. Tiap-tiap daerah ini ditadbirkan oleh Pegawai Daerah.

## **GOLONGAN MUDA**

Golongan muda bermaksud belia samada lelaki mahupun perempuan, diistilahkan juga pemuda dan pemudi. Peringkat umur golongan muda itu adalah peringkat umur dari seorang yang bergantung kepada seseorang untuk berfikir dan bertindak kepada seseorang yang bebas (*independent*). Lanya merupakan peringkat di mana seseorang itu mula menghadapi cabaran yang memaksa ia membuat keputusan tentang kehidupannya. Berdasarkan statistik tahun 2015, daripada seramai 30.26 juta orang rakyat Malaysia, 45.8% atau 13.88 juta adalah merupakan golongan muda manakala 7.26 juta atau 52% adalah lelaki dan 6.62 juta atau 48% adalah wanita (Jabatan Statistik Malaysia, 2015). Peringkat golongan muda ini dipenuhi dengan berbagai cabaran yang mengkehendakkan setiap golongan muda bertindak dengan tenaga yang tinggi dan keperluan. Maka golongan muda boleh mengubah bukan sahaja kehidupannya tetapi masyarakat dan persekitarannya.

## **POLITIK**

Roskin (2004) menyatakan istilah politik secara umumnya dikatakan berasal daripada perkataan *polis* dalam bahasa Yunani yang bermaksud negara kota. Daripada perkataan polis ini dihasilkan pelbagai definisi mengenai politik seperti segala hal ehwal mengenai negara, warganegara, ahli negara atau orang yang faham mengenai negara dan pemerintahan negara (Siti & Zarina, 2005). Secara umumnya dapat dikatakan bahawa politik adalah kegiatan dalam suatu sistem politik atau negara yang bersangkutan dengan proses penentuan tujuan daripada sistem tersebut dan cara melaksanakan tujuannya. Dalam konteks di Malaysia, politik merangkumi isu pilihanraya, pembentukan kerajaan, budaya politik, politik pembangunan dan politik islam.

## **KEPIMPINAN**

Kepimpinan telah dibincangkan secara meluas oleh para cendekiawan yang sering kali berfokuskan tentang kuasa seseorang pemimpin dan kemampuan mereka dalam mempengaruhi pihak lain untuk melakukan atau melaksanakan sesuatu yang mereka mahukan. Sehubungan dengan itu, terdapat juga perbincangan yang menjuruskan ke arah penggunaan kuasa untuk mempengaruhi atau memujuk dan bukannya secara memaksa, iaitu kemampuan dalam merangsang pihak lain untuk melakukan sesuatu mengikut keperluan pemimpin.

Kepimpinan juga boleh ditafsirkan sebagai kemahiran atau sifat semulajadi, sesuatu yang dimiliki oleh seseorang individu atau hubungan antara manusia (Andrews & Herschel, 1996). Sehubungan dengan itu kepimpinan boleh ditakrifkan sebagai interaksi antara dua atau lebih ahli di dalam sesuatu kumpulan yang mana ia selalunya melibatkan penyusunan atau penyusunan semula sesuatu keadaan atau persepsi dan harapan pengikut (Bass, 1990). Dalam kepimpinan, seseorang pemimpin itu adalah merupakan ejen perubahan, McGregor (1960). Beliau juga menegaskan bahawa pemimpin merangsang pengikutnya melakukan sesuatu demi mencapai matlamat yang mana ia melambangkan nilai dan motivasi, keperluan, aspirasi dan harapan kedua-dua iaitu pemimpin dan orang yang dipimpinya.

Sharifah Sofiah 'Atiqah dan Zakiyah Jamaludin (2006) mengatakan bahawa kepimpinan secara khususnya ialah proses yang melibatkan tugas pengarahan, membimbing dan memandu orang-orang bawahan ke satu arah penetapan matlamat organisasi atau pertubuhan. Ia melibatkan proses komunikasi dua hala antara orang yang memimpin dengan orang yang dipimpin (Robbins dan Coutler, 2010). Individu yang memimpin dikenali sebagai pemimpin dan mempengaruhi orang bawahan supaya mengikut tanggungjawab yang mahu dilaksanakan. Segala pekerjaan yang akan diarahkan itu perlu mendapat kerelaan daripada subordinat. Kepimpinan tidak akan berjaya sekiranya subordinat tidak mengikut arahan secara sukarela.

## **GELAGAT DAN TINGKAHLAKU MENGUNDI GOLONGAN MUDA**

Gelagat pengundi merupakan suatu kecenderungan pilihan rakyat dalam pemilihan umum dan latar belakang kenapa mereka melakukan pemilihan itu. Ia juga berkaitan dengan pengaruh pola pemungutan suara seperti faktor-faktor penyatuan parti, ikatan keluarga dan teman, usia, agama, pekerjaan, kebangsaan, tempat tinggal, tingkat pendidikan, latar belakang peribadi atau perusahaan, status sosial dan kepekaannya terhadap propaganda seperti terbukti daripada pengaruh kempennya terhadap perilaku individu (Kamus Analisa Politik, 1985).

Pengundian bermaksud suatu kelompok pada suatu mesyuarat atau pilihanraya untuk menentukan keputusan atau menyatakan pendapat. Sebelum melakukan pengundian, satu perbincangan, debat atau kempen akan diadakan terlebih dahulu. Behavior (tingkahlaku) pula bermaksud cara seseorang bertindak, khususnya ke atas orang lain. Voting behavior (tingkahlaku pengundi) boleh dirumuskan sebagai tindakan atau tingkahlaku seseorang amnya dalam menentukan pilihan keatas seorang calon dan parti dalam sesuatu mesyuarat atau pilihanraya.

Mengikut Surbakti (1992), tingkahlaku mengundi adalah aktiviti pemberian hak atau suara oleh seseorang yang berkait rapat dengan kegiatan pengambilan keputusan untuk mengundi atau tidak mengundi pada suatu pilihanraya. Tingkahlaku mengundi dalam sesuatu pilihanraya ditunjukkan dengan mengundi calon atau parti politik tertentu.

## **GAYA PENGIKUTAN GOLONGAN MUDA DALAM ORGANISASI**

Dalam sesebuah kehidupan, manusia memerlukan organisasi untuk memenuhi keperluannya di samping memberi sumbangan kepada orang lain (Palmer, 1998; McShane, 2000). Manusia telah mencipta pelbagai organisasi sebagai alat untuk mencapai matlamat mereka sendiri sebagai individu atau kolektif yang berkesan. Dalam era globalisasi moden kini, terdapat organisasi formal dan tidak formal. Setiap organisasi pula perlu berada dalam keadaan mantap untuk membolehkannya berfungsi dengan berkesan (Palmer, 1998). Setiap komponen dalam organisasi perlu berfungsi dengan sempurna untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Paling utama, golongan muda dan pemimpin adalah dua komponen organisasi yang sangat penting.

Pemimpin dan golongan muda adalah saling bergantung dan tidak dapat dipisahkan dalam segala aspek peranan, tindakan dan tanggungjawab masing-masing. Golongan muda adalah rakan dan ahli kongsi kepada pemimpin. Mereka merupakan kumpulan yang diperlukan oleh pemimpin dan kematangan mereka perlu untuk menjadikan organisasi berkesan (Hughes, Ginnett & Curphy, 1992; Campbell & Kinion, 1993). Ini bermakna keserasian antara pemimpin dan golongan muda perlu wujud di dalam sesebuah organisasi. Kepincangan hubungan atau ketidakserasian antara dua subsistem ini boleh menggugat kestabilan sesebuah organisasi.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, pengikutan dari golongan muda memainkan peranan yang berbeza dalam menentukan penyatuan sesebuah organisasi. Jenis pengikutan berkesan diperlukan untuk memastikan tahap penyatuan organisasi yang tinggi. Oleh itu, kekuatan sesebuah organisasi atau parti politik bergantung kepada bilangan besar pengikutan golongan muda yang berkesan. Peranan ketua atau pemimpin juga sangat penting dalam mempengaruhi pengikutan golongan muda. Jelas, pengurusan pengikutan golongan muda adalah satu bidang ilmu pengurusan yang perlu diberikan perhatian dan pengiktirafan oleh pengamal dan penyelidik dalam bidang pembangunan sumber manusia.

## **RUJUKAN**

- Almond, G. & Verba, S. 1963. *The civic culture*. Princeton : Princeton University Press.
- Campbell, J.M., & Kinion, E.S. (1992) Teaching Leadership/ Followership to RN-MSN students. *Journal of Nursing Education*. 32(3) pp 54-58.
- Flower Joe (1991). The art and craft on followership: A conversation with Robert E. Kelley. *Health Care Forum Journal*, Volume 34 pp 56-60.
- Hughess, R.L., Ginnet, R.C., & Curphy, G.J. (1993) Leadership: Enhancing the lessons of experience. Homewood, 111. Irwan.
- Kavanagh, D. 1983. *Political science and political behavior*. London: Allen & Unwin.
- Roskin, M.G. (2004). *Political Science: An Introduction*. Edesi ke 9. New Jersey: Prientice Hall.
- Sharifah Sofiah 'Atiqah Syed Ibrahim & Zakiyah Jamaluddin. (2006). *Sosiologi Organisasi*. Jitra : Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan Universiti Utara Malaysia.
- Siti Daud & Zarina Othman (2005). *Politik Dan Keselamatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Suriani Othman. (2009). Internet Dalam Dunia Politik. *Pemikir*. Oktober- Disember 2009. Bil. 58.
- Stephen P. Robbins (2005). *Organizational Behavior* 10<sup>th</sup> Edition. Prentice Hall. New Jersey.
- Syed Ahmad Hussein (1994). *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Arabi Idid dan Mohd. Safar Hasim. (1993). *Pilihan Raya Umum: Satu Perspektif Komunikasi Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Townsend, L., Gebhardt, E. (1997). *Five-Star Leadership: The Art and Strategy of Creating Leaders at Every Level*. John Wiley & Son. Canada.